

Nama:

Kelas:

Tema 6: KELESTARIAN ALAM



Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Perangkap Sisa Makanan

Mak Cik Siti ibu saudara Nabila. Beliau pengusaha kantin di sekolah Nabila. Selepas waktu persekolahan, Nabila membantu mak ciknya di kantin.

Nabila: Ini alat perangkap sisa makanan, mak cik?

Mak Cik Siti: Ya, Nabila. Ini alat perangkap sisa makanan.

Nabila: Alat ini disambung terus pada singki?


Mak Cik Siti: Benar, Nabila. Alat ini disambung terus pada singki.

Nabila: Banyakkah faedahnya?

Mak Cik Siti: Mestilah banyak faedahnya, Nabila. Air dari singki yang mengalir ke dalam longkang bebas daripada sisa kotoran.

Nabila: ?

Mak Cik Siti: Boleh. Alat ini menjadikan longkang bersih dan tidak berbau. Aliran air longkang juga akan lancar. Seterusnya, sungai juga



Info Bahasa

Ayat tanya tanpa kata tanya ialah ayat tanya yang **tidak** menggunakan kata tanya seperti berapa, bila, bagaimana, mengapa, siapa, apa dan mana. Intonasi ayat tanya jenis ini lazimnya diucapkan dengan nada suara tinggi sebelum senyap pada akhir ayat.

Contohnya:

1. Ini mak cik kamu?
2. Mereka berada di kantin?
3. Bolehkah saya menolong mak cik?



Aktiviti 1

Membina ayat tanya tanpa kata tanya.



- Murid perlu melengkapi dialog dengan ayat tanya tanpa kata tanya.
- KB – Konsep
- KP – Interpersonal EMK: Nilai Murni – Kerajinan



Aktiviti 2

Arahan: Sila taip ayat tanya tanpa kata tanya yang betul dalam ruang yang telah disediakan.

1. _____

Ya, Encik Zulkifli ialah pengurus syarikat itu.

2. _____

Ya, emak masih membasuh kain.

3. _____

Benar, mereka berlepas pagi tadi selepas sarapan.

4. _____

Adik masih belum tidur.

5. _____

Ya, dia terperanjat melihat kejadian itu.



Klik sini



Disiapkan Oleh:
Cikgu Rosafandi Rosli